



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Selangor penyumbang tertinggi KDNK Negara | 42 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
6 NOVEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor penyumbang tertinggi KDNK Negara
Muka Surat	42

# Selangor penyumbang tertinggi KDNK negara

BH 6/11/19 ms 42

Sumbangan 23.7 peratus bukti kewangan negeri stabil melalui aspek tadbir urus, dasar efektif

Oleh Khairul Azran Hussin  
khaiaazr@bh.com.my

**Shah Alam:** Selangor menyumbang 23.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun lalu, sekali gus mengekalkan statusnya sebagai penyumbang pelaburan tertinggi di negara ini.

Menteri Besarnya, Amirudin Shari berkata sumbangan lebih 20 peratus Selangor kepada KDNK negara membuktikan kewangan yang stabil melalui pengukuran aspek tadbir urus dan dasar yang efektif.

"Selangor merekodkan sumba-

ngan sebanyak 23.7 peratus diikuti Kuala Lumpur (16.1 peratus), Sarawak (9.7 peratus), Johor (9.6 peratus), Pulau Pinang (6.7 peratus) dan Sabah (6.7 peratus).

"Ini dibuktikan pada 2018, jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM18.9 bilion membabitkan RM8.1 bilion pelaburan domestik dan RM10.8 bilion pelaburan asing," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan (PKR-Gombak Setia), Muhammad Hilman Idham yang ingin tahu prestasi ekonomi negeri serta langkah untuk menjana pertumbuhan negeri dalam keadaan ekonomi negara serantau yang mengalami kemerosotan.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, prestasi ekonomi yang mampan itu adalah hasil kejayaan program Smart Selangor yang menekankan lima teras merangkumi aspek kualiti hidup, persekitaran, pembangunan ekonomi, tenaga buruh dan fiskal negeri.

"Bagi tempoh Januari hingga



**Kerajaan Selangor juga akan terus mempelbagaikan kaedah serta merangka pendekatan lebih strategik untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi**

Amirudin Shari,  
Menteri Besar Selangor

Jun 2019, sebanyak 132 projek perkilangan diluluskan di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5.97 bilion dan mewujudkan 6,628 peluang kerjaan.

"Malahan, kita jangkakan kemasukan pelabur utama dari Jepun, China dan Singapura dijangka menjana 26,492 peluang pekerjaan baharu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan memberi tumpuan kepada industri utama yang bernilai tinggi seperti industri elektrikal, elektronik, sains kehidupan, mesin, pengangkutan serta makanan dan minuman.

"Kerajaan Selangor juga akan terus mempelbagaikan kaedah serta merangka pendekatan lebih strategik untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi.

"Kita percaya dan yakin struktur teguh yang dibina dan ditambah dengan perancangan yang lebih tersusun dan fokus, dapat mempertahankan kedudukan Selangor sebagai negeri termaju dan penyumbang utama KDNK negara," katanya.